



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT




## TAJUK ; FITNAH MEROSAKKAN UMMAH



ISLAMIC SALVAGE OBEYANCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "FITNAH MEROSAKKAN UMMAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan mengajak tuan-tuan, marilah sama-sama kita berusaha meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita di dunia dan akhirat berada dalam reda Allah SWT.</p>	5
<p>Pada hari yang berbahagia ini, marilah kita muhasabah diri kita melalui khutbah yang bertajuk "<b>FITNAH MEROSAKKAN UMMAH.</b>"</p> <p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p>	6



Sesungguhnya fitnah adalah perbuatan untuk memburuk-burukkan atau menjatuhkan seseorang atau pihak lain yang sangat merosakkan dan menyebabkan masyarakat menjadi porak peranda. Penyebaran fitnah, tuduhan palsu atau khabar angin pada zaman yang serba maju dan moden hari ini bukan sahaja melalui pengucapan ataupun penulisan, malah amat mudah untuk disampaikannya melalui teknologi media massa yang digunakan pada hari ini. Kemajuan yang banyak memberikan kemudahan kepada kita, tetapi ramai manusia yang menyalahgunakannya hingga mencetuskan fenomena yang mendatangkan kerosakan kepada pelbagai pihak. Bukan sahaja dengan kata-kata dan ungkapan fitnah untuk menjatuhkan maruah orang lain malah keupayaan jari anugerah Allah dan digunakan ketika mengucapkan syahadah semasa tahiyat dalam solat, digunakan juga untuk memanjangkan perkara fitnah dan dosa.

7

Atas nama kebebasan bersuara, lidah dan jari seringkali disalahgunakan untuk kepentingan peribadi dan komplot tertentu. Biarpun kebebasan bersuara itu bebas diamalkan diseluruh negara di dunia, namun kenapa perlu memilih jalan memfitnah untuk menjatuhkan orang lain sehingga mendatangkan kesusahan kepada pelbagai pihak.

8

Rasulullah SAW terhadap mereka melalui hadith yang diriwayatkan oleh Huzaifah Radhiallahu'anhu:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ نَمَّامٌ

9

*"Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba)."*

*(Riwayat Muslim).*



**Hadirin yang berbahagia,**

Hari ini kita mengambil sumber entah ia betul atau tidak. Kita menyebarkan berita entah ianya tepat atau tidak. Malah kita suka menyampaikan cerita entah ianya sahah atau tidak. Kadang-kadang datang satu perkara yang kita belum pasti lagi ianya betul atau tidak. Kita terus berkongsi dengan orang lain. Seandainya perkara tersebut hanya rekaan ataupun dibuat-buat, sedangkan kita telah berkongsi melalui media yang sampai kepada beribu-ribu orang bahkan satu dunia mengetahuinya. Maka sempatkah kita memohon maaf kepada orang yang terkena fitnah tersebut. Bagaimanakah andai ianya berlaku kepada diri kita sendiri. Mana keimanan dan keyakinan kepada Allah sehingga kita suka menabur fitnah hingga menyusahkan dan mengganggu hidup dan urusan orang lain.

10

Fitnah hari ini bukan sahaja dilakukan di antara seorang individu dengan individu yang lain namun dilakukan juga oleh pelbagai kelompok masyarakat dalam pelbagai bentuk. Sebagai contohnya kita sering mendengar sekumpulan pemimpin sesebuah organisasi sanggup mencaci dan menjatuhkan kumpulan lain dengan menabur pelbagai fitnah demi mencapai cita-cita dan kepentingan kumpulan mereka. Ada juga dalam kalangan ahli-ahli daripada parti-parti politik yang sanggup mereka-reka fitnah dan menghasut rakyat dengan pelbagai tohmahan dan tuduhan palsu antara satu sama lain dengan matlamat untuk menjadi hero kepada rakyat. Pentadbir-pentadbir masjid dan surau juga tidak terlepas dari hasutan iblis ini dengan menghasut dan mengadu domba untuk menjatuhkan puak tertentu dalam menguasai pentadbiran masjid dan surau. Bahkan fitnah juga tidak terlepas dalam kalangan rakan-rakan sekerja yang sanggup menfitnah dan memburuk-burukkan rakan sendiri demi mendapatkan kedudukan dan pangkat.

11



Islam tidak membenarkan matlamat menghalalkan cara. Fitnah itu lahir daripada hati seseorang yang sombong, bongkak, kotor, bermasalah dan tidak dibenteng dengan iman yang teguh. Sesungguhnya syaitan sememangnya tidak pernah berdiam agar manusia sentiasa berbalah dan berkonflik antara satu sama lain.

12

Ia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah, ayat 91:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ

*"Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu."*

**Hadirin yang berbahagia sekalian,**

Perlu diingatkan bahawa perbuatan menabur fitnah ini akan mengundang kepada perpecahan serta menjadi punca kepada timbulnya salah faham dan perselisihan dalam kalangan masyarakat. Begitu juga perseteruan dalam kalangan pemimpin yang menggunakan senjata fitnah akan menjerumuskan negeri dan negara ke lembah kemusnahan.

13

Bahaya fitnah adu bomba juga boleh menghancurkan harapan rakyat kepada pemimpin yang sepatutnya menjadi contoh ikutan untuk mengharmonikan antara satu sama lain dalam mentadbir negara dengan lebih baik, bahkan budaya fitnah mesti dihindari kerana ucapan dan tulisannya boleh melahirkan sangkaan dan persepsi salah, membawa kebencian, persengketaan sesama sendiri serta mencetuskan permasalahan, membunuh identiti dan menyebabkan kehinaan kepada seseorang. Hakikatnya pembuat fitnah bukannya bimbang dengan kegagalan seseorang tapi sangat takut dengan kejayaan orang lain.

14



<p>Kita semua telah menyedari bahawa dalam ajaran agama ada menyebut tentang keburukan fitnah dan hukum fitnah jelas haram dan ditegah. Banyak pandangan ulama berkenaan keburukan fitnah ini.</p>	15
<p>Ingatlah amaran Nabi SAW melalui hadisnya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa baginda SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ وَيُقْبَضُ الْعِلْمُ وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ وَيُلْقَى الشُّحُّ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ. قَالُوا وَمَا الْهَرْجُ قَالَ "الْقَتْلُ"</p>	16
<p><i>"Zaman akan semakin dekat, dicabutnya ilmu, akan timbul fitnah-fitnah, dimasukkan ke dalam hati sifat kikir dan akan banyak al-harj. Mereka (para sahabat) bertanya: "Apakah al-harj, wahai Rasulullah?." Baginda menjawab : "Al-harj itu Pembunuhan".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	17
<p><b>Hadirin yang berbahagia.</b></p> <p>Sesungguhnya tabiat tuduh menuduh dan memfitnah itu membawa kepada kehancuran sesama sendiri dan langsung tidak mendatangkan sebarang manfaat. Ia menyebabkan ketidakharmonian dalam kehidupan masyarakat kita hari ini. Merosakkan hubungan silaturahim sesama umat manusia. Timbulnya sifat dendam dalam diri manusia dan kehidupan masyarakat menjadi huru hara bahkan ramai yang sengsara. Segala-galanya adalah berpunca daripada sifat mazmumah yang bertapak dalam diri manusia itu.</p>	18



Justeru sebagai muslim, berhati-hati terhadap setiap perkara yang kita tuturkan mahupun yang kita tuliskan dan sebarkan, kerana ia akan memberi kesan yang amat besar kepada orang lain. Bahkan yang lebih penting lagi, kesemuanya itu akan diperhitungkan oleh Allah SWT di akhirat kelak.

20

Firman Allah SWT dalam surah Yasin, ayat 65:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا  
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾

21

*"Pada waktu itu kami paterikan mulut mereka (sejurus), dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan."*

22

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita hayati perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam perlu yakin bahawa menyebarkan fitnah berdosa besar dan melakukannya boleh menjerumuskan diri kelembah kehinaan.
2. Umat Islam hendaklah sedar bahawa fitnah dan adu domba itu boleh memecah belahkan perpaduan dalam masyarakat dan akhirnya merosakkan sesebuah organisasi malahan kepada negara.
3. Umat Islam perlu sedar bahawa diam itu lebih baik, kita bercakap apa yang perlu dan sebarkan hanya perkara yang mendatangkan manfaat sahaja.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga lisan dengan baik dan bijak supaya tergolong dalam kalangan orang-orang yang dilindungi Allah SWT di dunia dan akhirat.
5. Umat Islam hendaklah berhati-hati dalam menerima sesuatu khabar berita yang belum pasti kebenarannya, agar tidak terperangkap dan membawa kepada fitnah.

23



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا  
بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

24

*"Wahai orang-orang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidik (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menyebabkan kamu menyesali perkara yang kamu lakukan".*

25

(Surah al-Hujurat : 6).



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	13
Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu	14



<p>Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.</p>	15
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	16
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	17
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	18
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	19
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	20